

TEKS UCAPAN
BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP BENGKEL IBS
PADA 20 MAC 2011

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan
Salam 1-Malaysia

YAB. Dato' Seri Md. Isa Sabu, Menteri Besar Perlis

Yang Berbahagia Dato' Yusof Jusoh, Ketua Pegawai Eksekutif
Proven Holding

Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Yang Beusaha, Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail, Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam sekitar

Dekan-dekan, Ketua-ketua Jabatan

Para peserta Kursus IBS, wakil-wakil media, seterusnya pelajar
– pelajar yang disayangi sekalian.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan rahmat dan inayahnya dapatlah kita bersama-sama berkumpul di dewan yang mulia ini untuk sama-sama meraikan Majlis Perasmian Penutup:

Kursus Jangka Pendek Industrialized Building System (IBS)

Anjuran bersama Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar, UniMAP,
Proven IBS Training Centre (M) Sdn. Bhd dan
Kukum Engineering (Malaysia) Sdn. Bhd.

Juga selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan- puan ke Universiti Malaysia Perlis bagi menjayakan program yang dianjurkan pada kali ini.

Saya mewakili seluruh warga kerja UniMAP juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada YAB. Dato' Seri Md. Isa Sabu, Menteri Besar Perlis di atas kesudian beliau untuk merasmikan majlis penutup Kursus kita pada hari ini.

Para hadirin sekalian,

Konsep IBS bukanlah suatu yang baru sebaliknya ia bermula seawal tahun 1624 di mana rumah panel kayu di bawa dari England ke kawasan yang terletak di Utara Amerika. Revolusi Industri 1700 menggunakan pengaplikasian teknologi dalam industri pembinaan mereka. Merujuk kepada buku '*The Industrialisation of Building*', Carlo Testa menyatakan bahawa Istana Kristal yang di bina pada 1851 merupakan titik permulaan bangunan berindustri. Rekabentuk bangunan adalah berasaskan komponen berindustri seperti tingkap kaca, rangka kayu dan keluli. Pembinaan bangunan ini hanya mengambil masa empat bulan untuk di siapkan.

Di Malaysia, sejarah IBS dapat diimbis kembali pada tahun 1963, di mana pada ketika itu pihak kerajaan menghantar arkitek dari Jabatan Kerja Awam ke Eropah untuk mempelajari bangunan berindustri dengan lebih mendalam. Pada tahun yang sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menumpukan perhatian kepada pembangunan perumahan. Oleh yang demikian, pada tahun 1966, kerajaan Malaysia telah melaksanakan dua buah projek iaitu pembinaan 3009 unit-unit flat di Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur dan 3741 unit-unit flat di Jalan Padang Tembak, Pulau Pinang pada tahun berikutnya. Berikutan kepada dua projek ini, kerajaan telah memperolehi

teknologi konkrit pra-tuang dan membina projek perumahan kos rendah dan kos tinggi pada tahun 1981 hingga 1993.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kejayaan pembinaan kaedah IBS ini di lihat dengan pelbagai struktur yang berkualiti dan cantik, terutamanya pada jangkamasa tahun 1995 hingga 1998. Ini termasuklah pembinaan Kompleks Sukan dan Perkampungan Sukan Bukit Jalil, Menara Kembar Petronas dan Transit Aliran Ringan (LRT). Kebaikan IBS dapat di tonjolkan dengan struktur yang menarik iaitu Presint Putrajaya dan projek-projek yang dapat mempertingkatkan infrastruktur Kuala Lumpur. Ini termasuklah pembinaan lebuh raya bertingkat menggunakan pra-tuang dan transit monorail menggunakan rasuk konkrit pra-tuang.

Walaupun bagaimanapun, hampir empat dekad IBS diperkenalkan, penggunaannya di Malaysia masih berada dalam tahap yang rendah jika dibandingkan dengan negara membangun seperti Jepun, United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat. Justeru itu, pihak UniMAP dengan kerjasama daripada pihak Proven mengambil inisiatif untuk menganjurkan Kursus **Jangka Pendek Industrialized Building System (IBS)** ini yang bertujuan untuk memperkenalkan kaedah IBS ini kepada orang ramai terutamanya di kalangan kontraktor, perunding, pemaaju dan seterusnya kepada para ahli akademik.

Selain itu, dengan adanya kursus ini pelajar universiti secara tidak langsung mendapat pendedahan tentang IBS, selaras dengan kehendak kerajaan yang menekankan subjek IBS dalam kurikulum. Kursus ini juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri di mana ianya memperkenalkan konsep pembelajaran secara 'hands-on' di mana setiap peserta dapat merasai sendiri pengalaman membina rumah menggunakan komponen-komponen IBS.

Oleh yang demikian, saya amat berharap kursus seperti ini akan dapat dijalankan lagi di masa akan datang bagi memberi peluang kepada para peserta mendalami teknik pembinaan secara IBS.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada **YAB. Dato Seri Md Isa Sabu, Menteri Besar** Perlis kerana sudi merasmikan majlis penutup kursus ini dan **Yang Berbahagia Dato Yusof Jusoh** kerana sudi hadir ke majlis ini dan juga para tetamu yang sentiasa menyokong aktiviti-aktiviti dianjurkan oleh pihak UniMAP.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan dan tahniah kepada warga Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar khususnya dan UniMAP amnya kerana Berjaya menganjurkan kursus yang

sangat berfaedah ini dan sentiasa bertungkus-lumus bagi memastikan kelancaran kursus ini.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.